



Pelancaran Buku Siri Penghayatan Hadis 40 Imam Al-Nawawi

KUALA LUMPUR, 25 Mei – Satu Majlis Pelancaran Buku Siri Penghayatan Hadis 40 Imam Al-Nawawi telah dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bertempat di Pesta Buku Antarabangsa KL 2025 (PBAKKL) di PWTC. Siri buku penghayatan Hadis 40 ini adalah hasil kerjasama strategik antara DBP bersama UTHM dan UTM. Wakil UTHM ialah Prof. Ts. Dr. Alina Shamsuddin dan Prof. Madya Dr. Fadillah Ismail. Projek ini diketuai oleh UTM menerusi Prof. Dr. Farahwahida Mohd Yusof. UTM juga diwakili oleh Prof. Madya Dr. Adibah Abdul Latif, Dr. Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, dan Dr. Siti Nur Hadis A Rahman. Usaha ini jelas menunjukkan bahawa UTHM akan terus mengalu-alukan apa-apa peluang kerjasama di peringkat nasional untuk bersama-sama memartabatkan pendidikan serta pembinaan akhlaq menerusi penulisan buku.